

JABATAN KEHAKIMAN,
MAHKAMAH TINGGI,
BANGUNAN SULTAN ABDUL SAMAD,
JALAN RAJA,
50506 KUALA LUMPUR.

Dil: (47) dlm. JK/KA 38 Jld. III

Tarikh: 10hb Mei 1990

Y.A. Hakim-Hakim dan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya
Kehakiman, Mahkamah Tinggi Malaya.

Semua Hakim Mahkamah Sesyen/Penolong
Kanan Pendaftar/Majistret,
Semenanjung Malaysia.

PEKELILING HAKIM BESAR MALAYA NO. 2/1990

Pelaksanaan Penggunaan Bahasa Malaysia di Mahkamah

Peruntukan pindaan kepada seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 telah diwartakan pada 29hb Mac 1990. Secara administratif penggunaan bahasa Malaysia dalam semua prosiding mahkamah akan berkuatkuasa dengan rasminya pada 1hb Jun 1990 di Semenanjung Malaysia.

2. Sehubungan dengan itu, pindaan telah dibuat kepada Kaedah 162 Kaedah-Kaedah Mahkamah Agung 1980, Aturan 92 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan Aturan 53 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 yang telah diwartakan pada 29hb Mac 1990. Pindaan tersebut bertujuan memperkemaskan pelaksanaan penggunaan bahasa Malaysia di mahkamah dan dianggap sebagai suatu kelonggaran bagi memastikan kelicinan proses pelaksanaan penggunaan bahasa Malaysia di mahkamah.

3. Saya suka mengingatkan kepada para Hakim dan Majistret supaya mematuhi peruntukan seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 yang mendaulatkan bahasa Malaysia sebagai bahasa di mahkamah.

4. Saya ingin juga menarik perhatian YA/Tuan/Puan supaya menggunakan budi bicara dalam proviso kepada seksyen 8 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 dengan bijaksana supaya tidak mengabaikan kehendak Parlimen dan aspirasi rakyat serta tidak pula memudaratkan keadilan.

...2/-

- 2 -

5. Sebagai panduan dalam keseragaman penggunaan frasa dan istilah undang-undang dalam bahasa Malaysia, YA/Tuan/kuah diminta merujuk kepada buku Daftar Istilah Undang-Undang dan Arahan Amalan oleh YAA Ketua Hakim Negara. Arahan Amalan berhubung dengan penggunaan frasa dan istilah undang-undang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa.

(*[Signature]*)
(DRN SRI LATUK BASHIM YEOP A. JANI)
Hakim Besar Malaya.

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara.

Y.A.A. Hakim Besar Borneo - Untuk Makluman.

Y.A. Hakim-Hakim Mahkamah Agung.

Y.B. Peguam Negara Malaysia.

Setua Pendaftar Mahkamah Agung,
Jabatan Kehakiman Malaysia.

Pendaftar, Mahkamah Tinggi Malaya.

Bahagian Penyelidikan dan Sekretariat Bahasa Malaysia.

Pengerusi, Majlis Peguam Malaysia.

Managing Editor, Malayan Law Journal,
2 Shenton Way # 14-03, Shenton House, Singapore 2106.

Malaysian Current Law Journal Sdn. Bhd.,
Lot No. 12, Ground Floor, Straits Trading Building,
50700 Kuala Lumpur.

Penerbit Kanun, Dewan Bahasa dan Pustaka,
Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur.